

METRO Harian

TARIKH	14 / 09 / 2016	SEKSYEN	SEMPLAT
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

Makkah Selepas setahun sepi, Kompleks Jamrat setinggi lima tingkat di Mina dekat sini, yang menempatkan Jamratul Sughra, Wusta dan Kubra kembali dibanjiril umat Islam bagi melaksanakan ibadat melontar

Umat Islam dari seluruh dunia bermabit di Mina pada Hari Tashriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah melakukan ibadat itu di ketiga-tiga jamrat selama tiga hari berurut-turu yang berakhir esok.

Pihak Berkasa Pembangunan Makkah membahagikan Jambatan Jamrat menuju ke kompleks berkenaan yang menggunakan teknologi tinggi kepada enam tahap bagi memastikan pergerakan jemaah dari kedudukan khemah masing-masing berjalan lancar.

Terdapat bilik pemantauan di dalam kompleks bagi memudahkan wakil dari jabatan berkaitan melakukan pengawasan terhadap isu keselamatan.

Semua laluan ke kom-

Ibadah melontar tersusun berjalan lancar



JEMAAH haji melontar di salah satu jamrat, semalam.

pleks terbabit dilengkapi kipas angin gergasi, pendingin hawa serta mesin air minuman dingin untuk keslesaan jemaah.

Sementara itu, kumpulan petugas media Malaysia mu-

la melontar untuk hari pertama di tingkat tiga Kompleks Jamrat jam 4.30 pagi semalam.

Petugas media perlu berjalan kaki berulang-ulik ke jamrat dengan jarak lebih dekat berikutkan mereka

ter setiap hari antara penginapan di Wisma Thanaf dan Mina untuk bermabit berbanding jemaah haji yang berulang-ulik ke jamrat dengan jarak lebih dekat berikutkan mereka

tinggal di perkhemahan Mina.

Bermabit bermaksud perlu berada di Mina sekurang-kurang separuh malam yang menjadi satu daripada wajib haji.

Ribuan jemaah dari pelbagai negara bergerak dalam kumpulan melalui beberapa laluan ditetapkan termasuk ferowong Muaissem.

Kerajaan Arab Saudi turut menempatkan pasukan tentera dan polis di sepanjang laluan bagi memastikan jemaah mematuhi arahan pergerakan.

Di kawasan perkhemahan Mina juga meriah dengan pelbagai aktiviti termasuk gerai jualan yang memenuhi sepanjang laluan.

Selepas selesai melontar jemaah kembali ke hotel penginapan di Makkah untuk menyempurnakan ibadat tawaf dan saie haji sebelum berangkat pulang ke tanah air atau ke Madinah.